

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

AKU 402 - Percukaian

Masa : [3 Jam]

---

Jawab SEMUA soalan daripada soalan nombor 1, 2, 3 dan 4. Pilih dan jawab DUA soalan daripada soalan nombor 5.

Soalan 1

Encik Yap Yong dilahirkan pada tahun 1951. Beliau merupakan seorang Pengurus Pemasaran di KOPMA BHD., sebuah syarikat di Petaling Jaya yang memasarkan komputer-komputer buatan Malaysia.

Encik Yap Yong telah berkhidmat dengan KOPMA BHD. sejak 1/5/1979, dan perkhidmatan beliau telah pun ditamatkan pada 31/8/1988, atas sebab-sebab tertentu, (tetapi bukan disebabkan oleh keuzuran). Walau bagaimanapun beliau telah diberi cuti bergaji sehingga 31/10/1988. Pada bulan Ogos 1988 Encik Yap Yong telah pun dibayar \$40,000 sebagai pampasan kehilangan pekerjaan, dan \$28,500 sebagai gratuiti.

Bagi tahun 1988, lain-lain bayaran yang diterima oleh Encik Yap Yong adalah seperti berikut :

Gaji \$4,000 sebulan (untuk Januari hingga Ogos 1988).  
Gaji cuti \$3,000 sebulan (untuk September dan Oktober 1988; tetapi dibayar pada Januari 1989).  
Elaun keraian \$500 sebulan (untuk Januari hingga Ogos 1988).

Encik Yap Yong juga disediakan dengan sebuah rumah kediaman di Petaling Jaya oleh KOPMA BHD sejak tahun 1986. Adalah didapati bahawa 1/4 dari ruang rumah kediaman ini telah digunakan sebagai setor untuk menyimpan komputer-komputer KOPMA BHD. Kemudahan

rumah kediaman ini telah ditarik balik pada 30/6/1988. Sewa yang dibayar oleh KOPMA BHD adalah \$600 sebulan (\$600 ini termasuk \$100 untuk sewaan perabot). Bil talipon (untuk kegunaan persendirian Encik Yap Yong) sebanyak \$400 sebulan untuk bulan Januari hingga Jun 1988 telah ditanggung oleh KOPMA BHD.

Sebagai kemudahan tambahan, KOPMA BHD juga membayar elaun kegunaan letrik sebanyak \$1,000 (bagi tempoh Januari hingga Jun 1988) kepada Encik Yap Yong. Jumlah bil letrik yang Encik Yap Yong bayar kepada Lembaga Letrik Negara (bagi tempoh ini) adalah hanya \$800.

Apabila kemudahan rumah kediaman ditarik balik, Encik Yap Yong telah pun ditempatkan di sebuah hotel di Kuala Lumpur dari 1/7/1988 sehingga 31/8/1988. Segala bayaran (termasuk bil makanan di hotel) ditanggung oleh KOPMA BHD seperti berikut :

Bayaran sewa bilik hotel .....	\$6,000
Bayaran bil makanan (di hotel) .....	\$3,000

Pada bulan Julai 1988, Encik Yap Yong mengeluarkan \$51,000 dari Tabung Pencen KOPMA BHD (satu skim pencen yang tidak diluluskan). Jumlah yang dikeluarkan adalah seperti berikut :

Caruman Encik Yap Yong .....	\$20,000
Caruman KOPMA BHD .....	\$25,000
Faerah .....	\$ 6,000

Pada bulan Mei 1988, Encik Yap Yong telah dihantar ke Hong Kong untuk menguruskan pamiran komputer syarikat KOPMA BHD. Apabila Encik Yap Yong berada di Hong Kong beliau dibayar elaun tambahan sebanyak \$3,000 walaupun tugas beliau di Hong Kong adalah berkaitan dengan tugas beliau di Malaysia. Dari \$3,000 ini yang dibayar di Hong Kong, \$2,000 telah habis dibelanjakan di Hong Kong, dan beliau hanya dapat membawa balik \$1,000 sahaja ke Malaysia.

Atas kejayaan pamiran di Hong Kong, Encik Yap Yong telah pun diberi cuti khas oleh KOPMA BHD untuk selama dua minggu di negeri Jepun dan Amerika Syarikat, di mana tambang perjalanan ke negeri Jepun (\$3,500) dan ke Amerika Syarikat (\$5,000) semuanya dibayar oleh KOPMA BHD. Pada masa Encik Yap Yong bercuti di negeri Jepun dan Amerika Syarikat, beliau dibayar elaun cuti sebanyak \$5,000 oleh KOPMA BHD. Jumlah ini dibayar di Amerika Syarikat dan semuanya habis dibelanjakan di luar Malaysia.

Pada sepanjang masa yang Encik Yap Yong berkhidmat dengan KOPMA BHD dalam tahun 1988, beliau telah membelanjakan \$2,500 untuk meraikan pelanggan KOPMA BHD.

Dikehendaki :

- [a] Bagi tahun taksiran 1989, tentukan pendapatan berkanun dari punca pengajian Encik Yap Yong.  
(Perhatian : Encik Yap Yong bukan seorang pengarah)
- [b] Sekiranya Encik Yap Yong adalah seorang pengarah (bukan pengarah urusan), dan KOPMA BHD adalah sebuah syarikat terkawal, nyatakan perbezaannya (sekiranya ada) terhadap pengiraan pendapatan pengajian beliau.

[22 markah]

...4/-

Soalan 2

Pulau Indah Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan pengilangan di Sungai Petani, Kedah. Tahun perakaunan Pulau Indah Sdn Bhd berakhir pada 30hb. September setiap tahun.

Pulau Indah Sdn Bhd telah membeli beberapa buah aset tetap untuk kegunaan perniagaannya, seperti berikut :

[a] Kereta Toyota

Kereta ini dibeli pada 1/6/1986 secara sewa beli. Maklumat-maklumat terhadap harga serta cara bayaran adalah seperti berikut :

Harga tunai .....	\$38,000
Harga sewa beli :	
Bayaran pendahuluan (dibayar pada 1/6/1986) ...	\$14,000
Bayaran ansuran bulanan (24 bulan) .....	\$ 1,100

Bayaran ansuran bulanan dibayar mulai bulan Julai 1986.

Kereta yang tidak dileSENkan untuk pengangkutan penumpang atau barang secara komersial ini kemudian dijual pada bulan Oktober 1988 dengan harga \$28,500.

[b] Mesin Jenis X-10

Mesin Jenis X-10 ini dibeli pada bulan Februari 1986 dengan harga \$30,000. Telah pun dianggarkan dan juga disetujui bahawa 4/5 dari kemudahan mesin ini adalah untuk kegunaan perniagaan Pulau Indah Sdn. Bhd.

Mesin Jenis X-10 ini telah pun dijual pada bulan Mei 1988 dengan harga \$20,000.

[c] Mesin Jenis Z-49

Mesin Jenis Z-49 ini dibeli pada bulan April 1988 untuk mengganti mesin Jenis X-10 (yang dijual pada bulan Mei 1988).

Kos mesin Jenis Z-49 adalah \$40,000. Kos menyediakan tapak untuk pemasangan mesin Jenis Z-49 adalah \$5,000.

Mesin Jenis Z-49 ini hanya siap dipasang dan dapat digunakan pada bulan Julai 1988.

[d] Mesin Jenis B-300

Mesin Jenis B-300 yang merupakan sebuah mesin yang besar telah pun dibeli pada Mei 1988 untuk digunakan dalam sesuatu proses pengilangan.

Kos mesin ini adalah \$200,000 , dan kos untuk menyediakan tapak untuk pemasangan mesin Jenis B-300 ini adalah \$800,000.

Mesin Jenis B-300 ini hanya siap dipasang dan mula digunakan pada bulan November 1988.

Dikehendaki :

Bagi setiap tahun taksiran yang berkenaan sehingga tahun taksiran 1990, tentukan elaun modal, elaun imbalan dan caj imbalan bagi loji dan mesin serta elaun bangunan perindustrian (sekiranya ada).

[18 markah]

...6/-

Soalan 3

Encik Latif Bin Hamzah serta isteri-isteri beliau, Puan Maznah Bte Zain dan Puan Ramlah Bte Salim adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 1988.

Mereka tinggal di Pulau Pinang dan berikut adalah maklumat-maklumat terhadap pendapatan mereka bagi tahun asas 1988 :

Encik Latif Bin Hamzah

Perniagaan	Kafeteria (USM)	Mini-Market (Glugor)	Warong (Komtar)
Pendapatan Larasan	\$ 120,000	\$ -	\$ 80,000
Kerugian Larasan	-	( 8,000)	-
Elaun Modal	10,000	3,000	5,000
Elaun Imbangan	-	-	12,000
Caj Imbangan	5,000	15,000	7,000

Perniagaan Kafeteria (USM) dan Mini-Market (Glugor) merupakan perniagaan kepunyaan tunggal Encik Latif Hamzah, manakala perniagaan Warong (Komtar) adalah perniagaan perkongsian.

Kerugian larasan terhadap Mini-Market (Glugor) berjumlah \$3,000 yang tidak dapat diserap pada tahun asas 1987, telah pun dipindahkan ke tahun asas 1988.

Selain dari pendapatan dari punca-punca perniagaan, Encik Latif Bin Hamzah juga memperolehi pendapatan yang berikut :

Sewa (rumah kedai di Kedah) .....	\$ 18,000
Dividen (kasar) dari Amanah Saham Nasional .....	\$ 2,600
Dividen (bersih) dari Dunlop Bhd, Kuala Lumpur .....	\$ 19,500
Pencen (bekas kakitangan USM) .....	\$ 12,000

Encik Latif Hamzah adalah seorang bekas Pegawai Keselamatan di USM. Beliau berumur 51 tahun pada masa beliau bersara dalam tahun 1985.

Puan Maznah Bte Zain

Puan Maznah merupakan seorang guru sambilan di sebuah sekolah swasta di Pulau Pinang, dan juga aktif dalam bidang perniagaan. Pendapatan beliau bagi tahun asas 1988 adalah seperti berikut :

Pengajian (sebagai guru sambilan) .....	\$12,000
Sewa (rumah di Pulau Pinang) .....	\$ 7,000
Royalti (hasil terjemahan buku-buku atas permintaan Kementerian Pendidikan di Kuala Lumpur) .....	\$10,000
Dividen (bersih) dari Rothman Bhd. di Petaling Jaya ..	\$22,750
Dividen (kasar) dari Jayaluatan Bhd .....	\$ 5,850

Jayaluatan Bhd merupakan sebuah syarikat perkapalan di Pulau Pinang.

Puan Maznah juga memperolehi pendapatan dari punca-punca perniagaan kepunyaan tunggal seperti berikut :

	MS Saloon Solek	MAZ's Florist
Pendapatan Kasar .....	\$ 90,000	\$ 110,000
Tolakan-tolakan (yang dituntut oleh Puan Maznah)	60,000	75,000
Elaun Modal .....	10,000	15,000

Adalah didapati bahawa termasuk dalam \$60,000 tolakan bagi perniagaan MZ Saloon Solek, \$15,000 adalah merupakan ambilan gaji oleh Puan Maznah sendiri, manakala \$20,000 adalah gaji untuk pekerja-pekerja dan bakinya \$25,000 adalah perbelanjaan operasi perniagaan tersebut.

Bagi perniagaan MAZ's Florist pula, adalah didapati bahawa termasuk dalam \$75,000 tolakan yang dituntut oleh Puan Maznah, \$12,000 adalah bayaran cukai pendapatan suami beliau bagi tahun taksiran 1988, dan bakinya \$63,000 adalah untuk operasi perniagaan MAZ's Florist.

Puan Ramlah Bte Salim

Puan Ramlah bekerja sebagai Ketua Penyelia di Warong (Komtar), sesuatu perniagaan perkongsian di mana Encik Latif adalah seorang rakan kongsi.

Berikut adalah pendapatan Puan Ramlah bagi tahun asas 1988 :

Penggajian; di Warong (Komtar) .....	\$24,000
Sewa (tanah di Perak) .....	\$30,000
Pencen (bekas guru Maktab Rendah Sains Mara) .....	\$12,000

Puan Ramlah telah berkhidmat sebagai seorang guru di Maktab Rendah Sains Mara sejak tahun 1970. Beliau bersara dua tahun dahulu pada umur 51 tahun (umur yang diwajibkan).

Puan Ramlah juga memperolehi pendapatan dari punca-punca perniagaan (kepunyaan tunggal) seperti berikut :

Perniagaan TADIKA RAMLAH .....	\$40,000 (Pendapatan berkanun)
Perniagaan PUSAT BATIK R-S .....	\$50,000 (Pendapatan berkanun)

#### Maklumat-maklumat Tambahan

[a] Pada tahun 1988, Encik Latif dan isteri-isteri beliau menanggung lima orang anak seperti berikut :

Anak-Anak	Umur	Pendidikan dan Lain-Lain	Jumlah Dibelanjakan
Aida Latif	25	Di University of London	\$20,000
Badul Latif	24	Cacat; tidak bersekolah	\$10,000
Darus Latif	22	Di Universiti Sains Malaysia	\$ 5,000
Ezah Latif	20	Di Hong Kong University	\$ 1,000
Fauzi Latif	14	Bersekolah di Australia	\$25,000

Ezah Latif telah berkahwin pada bulan Jual 1988, tetapi beliau masih ditanggung oleh Latif Hamzah. Anak-anak yang lain semuanya belum kahwin. Aida Latif bekerja pada musim cuti di England, dan memperolehi pendapatan sebanyak \$2,000 pada tahun 1988.

- [b] Caruman KWSP (terhadap pendapatan penggajian), derma serta bayaran zakat :

	Latif	Maznah	Ramlah
	-----	-----	-----
Caruman kepada KWSP .....	\$ -	\$ 1,800	\$ 1,200
Derma : Kepada parti politik	20,000	15,000	-
Kepada Hospital			
Universiti .....	5,000	10,000	-
Zakat .....	4,000	-	-

- [c] Bayaran premium insurans :

- [i] Dibayar oleh Latif terhadap insurans nyawa beliau.

Premium dibayar .....	\$ 1,200
Jumlah diinsuranskan .....	\$20,000

- [ii] Dibayar oleh Latif terhadap insurans nyawa anak sulung beliau Aida Latif.

Premium dibayar .....	\$ 1,500
Jumlah diinsuranskan .....	\$20,000

- [iii] Dibayar oleh Maznah terhadap insurans nyawa beliau.

Premium dibayar .....	\$ 2,500
Jumlah diinsuranskan .....	\$30,000

- [d] Puan Maznah Zain dan Puan Ramlah Salim telah memohon kepada Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri agar pendapatan mereka ditaksirkan secara berasingan.

Perhatian : Kadar cukai bagi sebuah syarikat adalah 35%.

Dikehendaki :

Bagi tahun taksiran 1989, tentukan cukai pendapatan serta cukai keuntungan berlebihan (sekiranya ada) yang kena dibayar oleh Encik Latif dan isteri-isteri beliau.

[30 markah]

...10/-

Soalan 4

Encik Mansor Karno merupakan seorang rakyat Indonesia. Pada tahun 1987 dan tahun 1988 Encik Mansor Karno juga tinggal di Malaysia.

Berikut adalah hanya tempoh-tempoh beliau berada di Malaysia :

dari	1/05/1987	Sehingga	30/09/1987
dari	1/11/1987	Sehingga	31/01/1988
dari	1/10/1988	Sehingga	31/10/1988

Encik Mansor Karno memiliki saham-saham (pelaburan) di Indonesia. Atas saham-saham ini beliau memperolehi dividen sebanyak \$20,000 pada tahun 1987. Syarikat yang membayar dividen ini tidak bermastautin di Malaysia.

Hasil dividen sebanyak \$20,000 ini disimpan dalam sesuatu akaun simpanan di Bank Jakarta di Indonesia.

Pada bulan Julai 1987, atas permintaan Encik Mansor Karno, Bank Jakarta pindahkan \$7,000 dari akaun simpanan Encik Mansor Karno (di Bank Jakarta) ke akaun semasa beliau di Bank Bumiputra di Kuala Lumpur.

Jumlah \$7,000 ini kemudian dikeluarkan dari akaun semasa dan dipindahkan ke akaun tetap di Bank Bumiputra di Kuala Lumpur juga. Tempoh simpanan tetap ini adalah lima belas bulan (dari 1/8/1987 sehingga 31/10/1988). Kadar faedah simpanan tetap ini adalah 6% setahun.

Apabila Encik Mansor Karno pulang ke Indonesia pada 1/10/1987, beliau keluarkan \$5,000 dari akaun simpanan beliau (di Bank Jakarta) untuk membeli sebuah komputer. Kemudian pada bulan November 1987 komputer ini telah pun dihantarkan ke Malaysia dan dihadiahkan kepada seorang kawan beliau di Kuala Lumpur.

Pada bulan Januari 1988, apabila Encik Mansor Karno masih berada di Malaysia, beliau membeli sebuah Proton Saga berharga \$24,000. Untuk menjelaskan harga Proton Saga ini Encik Mansor terpaksa mengeluarkan \$8,000 dari akaun beliau di Bank Jakarta, dan juga terpaksa menjual sebahagian dari saham-saham beliau di Indonesia. Hasil jualan saham-saham ialah \$16,000 dan kos saham-saham yang dijual adalah \$12,000. Harga \$24,000 ini dapat dijelaskan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1988.

Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengeluarkan notis taksiran kepada Encik Mansor Karno yang menyatakan bahawa bagi tahun taksiran 1988 dan tahun taksiran 1989 beliau dikehendaki membayar cukai pendapatan di Malaysia atas hasil dividen, hasil faedah, dan keuntungan jualan saham-saham.

Dikehendaki :

Nasihatkan Encik Mansor Karno terhadap jenis-jenis serta jumlah pendapatan yang bercukai, atau yang tidak bercukai atau yang boleh dikecualikan dari cukai di Malaysia.

(Jawapan anda harus disokong dengan kes-kes sekiranya perlu).

[20 markah]

Soalan 5

Pilih dan jawab **DUA** soalan sahaja daripada soalan-soalan ini.

- [a] Huraikan bagaimana pendapatan penggajian seorang individu yang diperolehi dari Malaysia pada keseluruhannya dapat dikecualikan dari cukai pendapatan di Malaysia.

[5 markah]

- [b] Bagi sebuah bangunan (bukan bangunan perindustrian) yang dibeli, dan kemudiannya digunakan oleh si pembeli sebagai bangunan perindustrian, huraikan bagaimana perbelanjaan bangunan yang layak serta elaun bangunan perindustrian dapat ditentukan.

[5 markah]

- [c] Huraikan kedudukan-kedudukan di mana pencen yang diperolehi oleh seorang bekas wakil rakyat di Malaysia dapat dikecualikan dari cukai pendapatan.

[5 markah]

- [d] Berdasarkan pada Akta Kewangan 1988 (Akta 634), bonos yang dibayar kepada seorang pekerja boleh dibenarkan sebagai tolakan, tetapi dihadkan kepada sejumlah yang tertentu. Anda dikehendaki memberi ulasan terhadap kedudukan tersebut.

[5 markah]

- [e] Bagi dividen dan faedah yang diperolehi dari Malaysia, pihak yang membayarnya diwajibkan mengikat sejumlah yang tertentu. Huraikan kewajipan ini, serta akibatnya.

[5 markah]

LAMPIRAN A

CUKAI KENA DIBAYAR OLEH SEORANG INDIVIDU YANG BERMASTAUTIN

	Pendapatan Boleh Kena Cukai (\$)	Kadar (%)	Cukai Kena Dibayar (\$)
Atas yang pertama	.... 2,500	5	125
Atas yang berikut	.... 2,500	8	200
Atas yang pertama	.... 5,000	-	325
Atas yang berikut	.... 5,000	12	600
Atas yang pertama	.... 10,000	-	925
Atas yang berikut	.... 10,000	15	1,500
Atas yang pertama	.... 20,000	-	2,425
Atas yang berikut	.... 15,000	20	3,000
Atas yang pertama	.... 35,000	-	5,425
Atas yang berikut	.... 15,000	25	3,750
Atas yang pertama	.... 50,000	-	9,175
Atas yang berikut	.... 20,000	30	6,000
Atas yang pertama	.... 70,000	-	15,175
Atas yang berikut	.... 30,000	35	10,500
Atas yang pertama	... 100,000		25,675
Lebih daripada .....	100,000	40	

-- 0000000000 --

